

**KEUNIKAN KAEDAH PENULISAN FIQAH ALAM MELAYU: PENGENALAN
TERHADAP *MANUSKRIP TANBĪH AL-‘ĀMIL FĪ TAḤQĪQ AL-KALĀM FĪ AL-NAWĀFIL***

**THE UNIQUENESS OF MALAY-ISLAMIC FIQH WRITING METHODS: AN
INTRODUCTION TO THE MANUSCRIPT *TANBĪH AL-‘ĀMIL FĪ TAḤQĪQ AL-KALĀM FĪ
AL-NAWĀFIL***

ⁱ Mohd Syahmie Mat Bakri, ⁱⁱ Syed Salim Syed Shamsuddin & ⁱⁱⁱ Mohd Anuar Mamat

ⁱ Calon Ijazah Sarjana, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: mohdsyahmiemb@gmail.com

ABSTRACT

A considerable number of works and manuscripts produced by the Islamic scholars of the Nusantara remain undiscovered, and most of them still exist in their original handwritten form. Upon closer examination, it becomes evident that the ulama of Tanah Jawi employed various methods and styles of authorship, producing works that reflected the local culture and the socio-historical context of their time. Therefore, this article focuses on one fiqh (Islamic jurisprudence) manuscript by a Malay scholar that has received relatively little scholarly attention, entitled *Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil*. This study adopts a qualitative research approach based on library research. The primary manuscript examined is the copy numbered MSS 4152 (A), which is preserved at the National Library of Malaysia (PNM). In general, this manuscript discusses fiqh rulings related to acts of worship (ibadat), particularly elaborating on sunnah prayers, as well as other aspects of ibadah more broadly. The objectives of this study are to identify the physical features and codicology of the manuscript and to briefly analyze the sunnah prayers discussed in the text *Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil*. The findings reveal that only one prior study has been conducted on this manuscript, which primarily focused on its linguistic and literary aspects. This manuscript is among the works that hold great potential for further development, however, there remain significant gaps in the execution of comprehensive research efforts concerning it.

Keywords: *fiqh, turath, manuscript, codicology, mazhab Syafie*

ABSTRAK

Terdapat sejumlah besar hasil karya dan manuskrip ulama Nusantara yang belum ditemui dan kebanyakannya masih berada dalam bentuk tulisan tangan yang asal. Jika diteliti secara lebih terperinci, pelbagai bentuk variasi kaedah pengarang ulama Tanah Jawi dalam menghasilkan karya bertulis berdasarkan budaya setempat dan situasi semasa ketika di zamannya. Justeru itu, artikel ini menumpukan kepada salah satu manuskrip fiqah ulama Melayu yang masih kurang diberi perhatian oleh para pengkaji dan penyelidik yang berjudul *Tanbīh al-‘Āmil fī Tahqīq al-Kalām fī al-Nawāfil* dengan berpanduan penyelidikan kualitatif berdasarkan kajian perpustakaan. Salinan manuskrip yang dijadikan objek kajian utama ialah salinan yang bernombor MSS 4152(A) Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Secara umumnya, manuskrip ini membicarakan hukum-hukum fiqah bahagian ibadat, menyentuh perbahasan berkaitan dengan ibadat solat sunat secara khusus dan perkara-perkara ibadat yang lain secara umum. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti keadaan rupa bentuk fizikal beserta kodikologi manuskrip dan menganalisis secara ringkas solat-solat sunat yang dibincangkan dalam teks *Tanbīh al-‘Āmil fī Tahqīq al-Kalām fī al-Nawāfil*. Dapatan kajian mendapati, bahawa hanya terdapat satu kajian sahaja yang telah dilakukan ke atas manuskrip *Tanbīh al-‘Āmil fī Tahqīq al-Kalām fī al-Nawāfil* yang mana hanya lebih tertumpu kepada kajian kesusteraan bahasa sahaja. Manuskrip ini merupakan antara karya yang mempunyai potensi besar untuk dikembangkan namun masih terdapat kelompongan yang ketara di dalam pelaksanaan tugas-tugas penyelidikan.

Kata Kunci: *fiqh, turath, manuskrip, Kodiokologi, mazhab Syafie*

Pendahuluan

Pengajian berasaskan tradisi turath telah memainkan peranan yang signifikan di dalam membentuk sistem pendidikan, intelektual dan perundangan di Tanah Melayu. Pendidikan dan perundangan yang berpaksikan turath mazhab Syafie mendapat kedudukan yang tinggi dalam kalangan masyarakat di rantau Nusantara (Wan Ahmad Fauzi. 2019). Aktiviti penterjemahan, penulisan dan percetakan karya-karya ulama Nusantara, yang dikenali sebagai kitab kuning dalam tulisan Jawi dan berbahasa Melayu, terus menjadi medium perantara utama dalam penyampaian ilmu kepada masyarakat. Kitab-kitab ini berfungsi sebagai panduan masyarakat Melayu dalam memahami dan mengamalkan ajaran Islam, khususnya dalam aspek ibadat, muamalat, munakahat dan jinayat di dalam kehidupan seharian.

Kitab Turath Fiqah Jawi

Antara karya agung khususnya di dalam bidang fiqah mazhab Syafie yang masih dipelajari hingga ke hari ini termasuklah *Munyat al-Muṣallī*, *Maṭla al-Badrayn*, *Bughyat al-Ṭullāb*, *Hidāyat al-Ṣibyān fī Maʿrifat al-Islām wa al-Īmān*, *Wisyāh al-Afrāh wa Iṣbāh al-Falāh*, dan lain-lain lagi. Tanpa dapat dinafikan, kepelbagaian dan kekayaan sumber pengajian turath ini seiring dengan limpahan ilmu yang terkandung dalam isi kandungan, penulisan, serta huraian para ulama. Kitab-kitab turath Arab yang berautoriti seperti *Minhāj al-Ṭālibīn*, *Manhaj al-Ṭullāb* dan *Fath al-Wahhāb* telah menjadi rujukan utama di kalangan ulama Nusantara dalam usaha menghasilkan karya-karya dalam tulisan Jawi. Karya-karya ini bukan sahaja menterjemah atau mengadaptasi kandungan kitab Arab, malah turut disusun dan diolah berdasarkan konteks dan realiti sosial tempatan (Jamalluddin Hashim & Abdul Karim Ali. 2009). Peristilahan “kitab Jawi” diiktiraf daripada pelbagai sudut pandang dan mencerminkan realiti tradisi keilmuan masyarakat Melayu ketika itu. Asas utama kepada takrifan kitab Jawi terletak pada penggunaan huruf Arab dalam sistem tulisan Jawi, yang berkembang seiring dengan proses islamisasi di Alam Melayu. Sistem ini turut disesuaikan dengan penambahan lima huruf khas yang mewakili bunyi-bunyi unik dalam bahasa Melayu (Norziati Mohd Rosman. 2024). Kitab turath Jawi juga boleh diperincikan sebagai kitab-kitab keagamaan yang ditulis dalam bahasa Melayu, Jawa, atau bahasa-bahasa tempatan lain di rantau Nusantara dengan menggunakan aksara Arab.

Kaedah Penulisan Kitab Turath Jawi

Karya-karya emas ini jika diteliti dengan lebih mendalam, ulama dan cendekiawan tempatan pada masa lalu menghasilkan karya dengan pelbagai bentuk variasi kaedah penulisan berdasarkan tujuan sesuatu karya itu ditulis. Terdapat karangan yang dihasilkan sama ada dalam bentuk penulisan asal ataupun terjemahan. Sebahagian besar daripadanya disusun berpandukan kepada kitab-kitab klasik berbahasa Arab, khususnya karya yang berasal dari Timur Tengah (Syed Salim. 2020). Selain itu, terdapat juga ulama Nusantara yang menghasilkan karangan berdasarkan tema-tema tertentu di dalam bab-bab fiqh untuk mengulas permasalahan dengan lebih terperinci di dalam satu-satu permasalahan. Misalnya, kitab yang membahaskan di bawah tema secara khusus di dalam permasalahan ibadat solat seperti kitab *Munyaṭ al-Muṣallī* karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathoni. Misal yang lain, seperti kitab Pedoman Sembahyang Jemaah karangan Tuan Guru Haji Abdul Rahman yang hanya memfokuskan perbincangan hukum-hakam solat berjemaah sahaja (Syed Salim. 2020).

Permasalahan Kajian

Walaupun begitu, masih terdapat tinta emas ulama Nusantara yang masih belum diberi perhatian sebaiknya oleh para penyelidik. Menurut sumber yang rasmi, terdapat sejumlah besar manuskrip Melayu yang belum ditemui dan kebanyakannya masih berada dalam bentuk tulisan tangan yang asal. Sebahagian besar manuskrip Melayu masih tersimpan di luar kepulauan Nusantara yang mana jumlahnya tidak kurang dua puluh ribu buah manuskrip Melayu lama yang berserakan di pelbagai negara yang merangkumi sebanyak dua puluh lapan buah negara di dunia. Hal ini kerana, kesan dan akibat daripada penjajahan kuasa-kuasa asing sebelum negara kita mencapai kemerdekaan (Awang Sariyan, 2019). Situasi ini menyebabkan kebanyakan manuskrip-manuskrip ini masih belum diberi perhatian sewajarnya dan tidak dapat dimanfaatkan secara optimum (Awang Sariyan & Abdul Rasid Jamian. 2020). Menurut laporan daripada Berita Harian menyatakan terdapat empat ribu enam ratus manuskrip tulisan Jawi dalam pelbagai bidang ilmu masih belum diambil perhatian untuk dilaksanakan kajian (Siti Haliza Yusop, 2015). Berdasarkan sudut penyelidikan, pengkajian terhadap manuskrip-manuskrip ini masih belum mencapai tahap yang maksimum, khususnya dalam aspek analisis kandungan, kodikologi, filologi, serta aspek-aspek teknikal lain yang penting dalam bidang pengajian manuskrip. Malah, dalam pelbagai keadaan, manuskrip-manuskrip ini hanya dianggap sebagai artifak sejarah dan tinggalan warisan semata-mata, bukan sebagai sumber ilmu yang hidup dan relevan.

Objektif Kajian

Berhubung dengan kitab fiqh jawi berbentuk tema ini, menjadi fokus utama penulisan artikel ini berhubung kajian ke atas manuskrip berjudul *Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfīl*. Secara umumnya, karya ini membicarakan hukum-hakam fiqh bahagian ibadat, lebih terperinci menyentuh perbahasan berkaitan dengan ibadat solat sunat secara khusus dan beberapa perkara-perkara ibadat yang lain secara umum. Berpandukan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan, pengkaji hanya menemukan satu kajian lepas yang pernah dilakukan ke atas manuskrip ini. Walau bagaimanapun, kajian tersebut lebih tertumpu kepada aspek kesusasteraan bahasa, khususnya kajian analisis terhadap bentuk gaya bahasa terjemahan yang terdapat di dalam manuskrip *Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfīl*. Kajian tersebut merupakan tesis sarjana yang berjudul *Analisis Terjemahan Abdurrauf Singkel dalam Kitab Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfīl* oleh Siti Halimah (Siti Halimah. 2004). Berdasarkan pandangan pengkaji, manuskrip ini masih mempunyai kelompondan kajian yang sangat besar yang perlu diambil perhatian oleh para penyelidik akademik agar manuskrip ini dapat diambil manfaat dan diterokai keluasan maklumat yang masih tersimpan di dalamnya.

Pengenalan manuskrip *Tanbīh al-‘Āmil fī Tahqīq al-Kalām fī al-Nawāfil* MSS 4152 (A)



Rajah 1: Helaian pertama manuskrip *Tanbīh al-‘Āmil fī Tahqīq al-Kalām fī al-Nawāfil* MSS 4152 (A)

Karya yang berjudul *Tanbīh al-‘Āmil fī Tahqīq al-Kalām fī al-Nawāfil* ini masih di dalam bentuk asal manuskrip bertulisan tangan yang masih belum dicetak di bawah mana-mana percetakan dan masih tersimpan di beberapa lokasi sama ada di dalam negara dan luar negara. Setakat ini, terdapat lima salinan manuskrip yang masih tersimpan di dalam negara iaitu di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Dua salinan daripadanya berstatus lengkap dan tiga yang berbaki sebagai tidak lengkap. Manuskrip berstatus lengkap yang menjadi objek kajian utama di dalam kajian ini hanyalah naskhah MSS 4152 (A). Pemilihan manuskrip MSS 4152 ini adalah disebabkan faktor fizikal yang masih baik beserta tulisan yang agak jelas dan mudah dibaca. Taburan naskhah salinan manuskrip *Tanbīh al-‘Āmil fī Tahqīq al-Kalām fī al-Nawāfil* yang berada di PNM seperti berikut:

Jadual 1: Taburan naskhah manuskrip *Tanbīh al-‘Āmil fī Tahqīq al-Kalām fī al-Nawāfil*

No	Manuskrip lengkap	No	Manuskrip Tidak Lengkap
1	MSS 4152 (A)	1	MSS 5066
2	MSS 2347 (B)	2	MSS 3634
		3	MSS 1194

Berdasarkan aspek fizikal bagi manuskrip kajian utama, folio manuskrip MSS 4152 ini bersaiz di dalam lingkungan 20.5 cm x 16 cm. Teks manuskrip ini ditulis di atas kertas laid Eropah yang berwarna putih kekuningan yang mana terdapat beberapa kotoran kecil pada beberapa bahagian folio yang tidak menjejaskan tulisan. Tera air yang terdapat pada kertas ini ialah singa dan permaisuri di dalam kandang beserta tera air tandingan berbentuk mahkota kecil. Manuskrip ini tidak mempunyai kulit alas pada bahagian hadapan dan bahagian belakangnya.

Setiap teks mempunyai 19 sehingga 21 baris pada setiap helaian. Tulisan Jawi yang digunakan dikenal pasti sebagai khat naskh biasa yang cantik dan kemas. Dakwat tulisan yang digunakan adalah berwarna hitam pada perkataan bahasa melayu dan berwarna merah pada perkataan bahasa arab seperti teks-teks nukilan daripada kitab-kitab arab, hadis-hadis, definisi-definisi dan sebagainya. Terdapat kata alihan yang konsisten di dalam manuskrip ini pada bahagian bawah penjuru sebelah kiri setiap halaman verso. Selain itu, terdapat juga, beberapa tulisan-tulisan ringkas pada babagian tepi teks yang berkemungkinan sebagai sambungan bagi teks utama yang tertinggal dan juga terdapat catatan-catatan tambahan daripada pengarang.

Selain karya *Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil* yang terkandung di dalam manuskrip MSS 4152, terdapat tambahan dua judul lain yang dapat dikenal pasti berada di dalam satu jilid yang sama. Judul pertama ialah *Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil*, kedua, *Taghrīb al-‘amal* dan yang ketiga ialah Catatan Tentang Nasab Nabi Muhammad. Karya *Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil* berada pada folio 3v sehingga 31r. Berdasarkan ketiga-tiga karangan tersebut, *Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil* mempunyai folio yang paling banyak berbanding kedua-dua kitab tersebut.

Dari sudut isi kandungan, perbincangan bagi ketiga-tiga judul yang terdapat di dalam manuskrip MSS 4152, dapat dijelaskan secara umum seperti berikut:


1. *Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil* [ff. 3v. – 31r.], Karya ini memperkatakan mengenai segala yang berkaitan dengan sembahyang sunat seperti solat terawih, solat istiharah, solat sunat tasbeih, solat tahajjud, dan lain-lain solat sunat serta fasal-fasal lain yang berkaitan dengan perkara solat. Turut dibincangkan dalam bentuk soal jawab.
2. *Taghrīb al-‘amal* [ff.31v.-41v], Kitab ini membincangkan perbincangan perubahan niat sembahyang.
3. *Catatan Tentang Nasab Nabi Muhammad* [ff 41v. -46v.], Mengandungi maklumat mengenai nasab keluarga nabi Muhammad (s.a.w) sebelah bapa serta peristiwa kelahirannya, tentang ibu susuan dan pelbagai lagi yang berkaitan dengan kehidupan baginda.

Berpandukan kajian kodikologi yang telah dijalankan terhadap manuskrip *Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil*, pengarang asal bagi karya ini masih tidak dapat ditentukan, hal ini kerana tidak dinyatakan nama pengarang pada mana-mana salinan-salinan manuskrip yang ada, tetapi bagi manuskrip MSS 4152 (A) hanya dinyatakan penyalinnya iaitu Lebai Abdul Majid.

Terdapat beberapa-beberapa penulisan dan kajian akademik yang mengkaji berkisar berkenaan Syeikh Abdul Rauf, menyatakan bahawa salah satu karangan Syeikh Abdul Rauf adalah yang berjudul *Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil* (Ridwan. 2020). Selain itu, berdasarkan kajian awal, setakat ini hanya terdapat satu kajian sahaja yang telah dijalankan ke atas salinan manuskrip *Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil* oleh Siti Halimah di dalam kajian Sarjana beliau. Siti Halimah menyatakan bahawa manuskrip *Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil* merupakan karangan milik Syeikh Abdul Rauf berdasarkan faktor-faktor yang dinyatakan beliau berdasarkan naskah MI 222 di Perpustakaan Nasional Indonesia (Siti Halimah. 2004).

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji masih tidak dapat memberi pandangan secara tuntas di dalam menentukan nama pengarang sebenar bagi kitab *Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil*. Pembuktian awal bahawa manuskrip tersebut merupakan karangan ulama Aceh berdasarkan beberapa bukti-bukti yang ditemui di dalam teks manuskrip tersebut. Antaranya, seperti penggunaan dialek bahasa Aceh-Indonesia, misalnya perkataan “*Rakot*” seperti di dalam teks berikut,

“Maka jangan kau rakot-rakot Syeikh yang mengarang Bidayat al-Mubtadi itu mengatakan tiada sah, maka murka yang amat besar atasmu merakot-rakot Ulama’ dengan faham yang maqlub.”




Rajah 2: MSS 4152(A) [ff. 5r]

Berdasarkan kamus bahasa Aceh-Indonesia, menyatakan bahawa perkataan “Rakot” membawa maksud menuduh tanpa alasan, menuduh, memfitnah. (Aboe Bakar dll. 1985).

Bukti lain yang menunjukkan kepada karya ini merupakan karangan dari negeri Aceh ialah pernyataan penulis di antara faktor mengapa karya ini dikarang seperti yang tertera pada mukadimah *Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil* sepertimana berikut,

ونسبوا ذلك إلى الشيخ نور الدين ولا يفهم كلام الشيخ حق الفهم حتى نسبوا ذلك إليه

Dan hingga dibangsakan mereka itu iktikad dan dikata itu kepada Syaikh Nur al-Din pada hal tiada difahamkan mereka itu kata syeikh dengan sebenar-benar faham hingga dibangsakan mereka itu yang demikian itu kepadanya.



Rajah 3: MSS 4152 (A) [ff. 3v]

Maka dipercayai Syaikh Nur al-Din yang dinyatakan di dalam teks di atas ialah Syaikh Nur al-Din yang masyhur sebagai ulama yang berdakwah di negeri Aceh.

Tuntasnya, walaupun nama pengarang tidak dinyatakan secara jelas pada mana-mana salinan manuskrip *Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil*, namun begitu, dipercayai bahawa manuskrip ini merupakan penulisan salah seorang tokoh ulama Aceh berdasarkan petunjuk-petunjuk yang telah dinyatakan tadi.

Perbincangan di dalam manuskrip *Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil*

Umumnya, bentuk perbincangan di dalam manuskrip *Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil* tidak bersusun secara berperenggan dan tidak dipecahkan mengikut bab atau dari satu fasal ke fasal yang lain. Maka pengkaji membahagikan teks ini dalam beberapa bahagian, berpandukan petunjuk-petunjuk yang diberikan oleh penulis di dalam teks *Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil* tersebut. Maka pengkaji membahagikan isi kandungan perbahasan seperti mana berikut:

- **Mukadimah (ff. 3v- 4r.)**

Penulis memulakan karyanya dengan puji-pujian kepada Allah *Ta`āla* disertai dengan selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad *Sallā Allāh `Alayhi wa Sallam*. Seterusnya isyarat ringkas menunjukkan kepada isyarat perbincangan utama karya ini. Kemudian, penulis

menyatakan faktor kepada terhasilnya penulisan karya ini dan menjurus kepada penamaannya iaitu *Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil*.

- **Fasal Perbincangan hukum yang tujuh (ff. 4r- 5r.)**

Penulis meneruskan perbincangan dengan mendatangkan pendefinisian secara ringkas mengenai pembahagian terma-terma sunat seperti *mustahab* dan *taṭawwu’*. Seterusnya membincangkan hukum-hukum yang tujuh iaitu wajib, haram, sunat, makruh, haram, sah dan batil beserta definisi ringkas bagi setiap terma-terma tersebut tanpa huraian yang panjang dan mendalam.

- **Fasal perbincangan isu melaksanakan solat sunat sebelum menqadakan solat fardu (ff. 5r- 8r.)**

Sebelum memasuki kepada perincian utama karya ini iaitu perbincangan solat-solat sunat, penulis mengupas dahulu permasalahan individu yang masih belum menyelesaikan solat-solat fardu tetapi melakukan solat-solat sunat. Bahkan, penulis cuba merungkai kefahaman pembaca agar mempunyai kefahaman yang tepat mengenai situasi hukum haram untuk melaksanakan solat tetapi tidak menghalang kesahihan solat dan hukum haram yang membawa ketidaksahan solat. Bahkan bagi isu ini, penulis seolah-olah mendatangkan hujah bagi menolak dakwaan salah yang berkemungkinan datang daripada kesalahfahaman masyarakat atau tokoh-tokoh tertentu ketika zaman itu di dalam menukikan kalam Ulama yang tidak tepat dan selari dengan kefahaman yang sebenar di dalam masalah ini.

- **Fasal perbincangan solat-solat sunat (ff. 8r- 16v.)**


Penulis memulakan perbincangan pada bahagian ini dengan menyatakan kelebihan ibadat solat di dalam Islam. Berikutnya, penulis mula menyenaraikan solat-solat sunat dengan meletakkan berdasarkan yang paling afdal, bermula solat sunat solat hari raya sehingga solat-solat sunat lain-lain. Dalam konteks umum, penulis mendatangkan semua lafaz-lafaz niat bagi setiap solat-solat sunat yang ada, namun begitu, penulis tidak memperincikan kesemua kaifiat solat sunat yang ada pada solat-solat sunat yang bersifat seragam pada kaifiatnya, tetapi hanya memperincikan pada solat-solat sunat yang mempunyai kaifiat yang agak berbeza dan mempunyai amalan-amalan tertentu.

Bahkan, antara unsur menarik yang terdapat di dalam karya ini, terdapatnya unsur-unsur amalan bersifat tasawuf. Jika dilihat pada gaya pengarang karya *Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil*, penulis merupakan seorang pengamal tarikat dan beraliran sufi. Berikutan itu, pelbagai wirid-wirid serta doa yang dianjurkan oleh penulis apabila sejeurus selesainya melaksanakan solat-solat sunat yang tertentu. Antara unsur tasawuf kesufian lain yang dapat dikenalpasti di dalam teks seperti istilah-istilah sufi misalnya penggunaan istilah *Sūfi*, *Ahl Allāh* dan sebagainya. Misal yang akan datang ini, daripada teks *Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil* sendiri menunjukkan terdapat istilah sufi dan contoh salah satu doa yang dianjurkan oleh penulis sebagai amalan harian apabila selesai melaksanakan solat fardu subuh beserta zikir dan wirid tertentu sehingga terbit matahari, doanya seperti mana berikut,

Maka hendaklah *Ahl Allāh* itu kemudian daripada ia sembahyang subuh duduk pada tempatnya masyghul dengan zikir dan dengan segala auradnya datang kepada terbit matahari sekira-kira sekujur atau lebih, maka dibacanya, *Wa al-Syamsi Wa al-Duḥāhā* sekali dan *Qul huwa Allāh Aḥad* tiga kali, kemudian dibacanya doa ini,

اللهم الحمد لله الذي اطلع الشمس من مشرقها وجعلها ضياء ورحمة للعالمين، الحمد لله الذي جعل الشمس ضياء والقمر نورا، الحمد لله الذي جعل لنا اليوم عافية وجاء بالشمس من طلوعها، اللهم رزقني خير هذا اليوم وادفع عني شره اللهم نور قلبي بنور هدايتك كما نورت الأرض بنور قدرتك

Kemudian dari itu maka sembahyangkannya dua belas rakaat seperti yang tersebut ini dua rakaat sembahyang *Syukr Allāh* namanya.



Rajah 4: MSS 4152 (A) [ff. 12r]

Setelah dijalankan analisis, terdapat solat-solat sunat yang dinyatakan di dalam kitab *Tanbīh al-ʿĀmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil* merupakan solat-solat sunat yang lazim dilakukan oleh umat Islam, namun begitu, terdapat sebilangannya berkemungkinan jarang didengari atau dilakukan oleh masyarakat Islam umumnya. Senarai solat-solat sunat di dalam teks manuskrip *Tanbīh al-ʿĀmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil* seperti berikut di samping mengekalkan istilah seperti yang dinyatakan di dalam teks,

Jadual 2: Solat-solat sunat yang terdapat di dalam manuskrip *Tanbīh al-ʿĀmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil*

Bil	Jenis solat-solat sunat yang terdapat di dalam kitab <i>Tanbīh al-ʿĀmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfil</i>
1.	Sembahyang hari raya besar
2.	Sembahyang hari raya kecil

3.	Sembahyang gerhana matahari
4.	Sembahyang gerhana bulan
5.	Sembahyang minta hujan
6.	Sembahyang Witir (terafdal daripada segala sunat rawatib)
7.	Sembahyang dua rakaat dahulu daripada sembahyang subuh
8.	Sembahyang dua rakaat dahulu daripada zohor dan dua rakaat kemudian daripadanya
9.	Jumaat
10.	Dua rakaat kemudian daripada maghrib
11.	Dua rakaat kemudian sembahyang isyak
12.	Sembahyang Tarawih
13.	Sembahyang Duha
14.	Solat <i>al-Isyraq</i>
15.	Sembahyang Tawaf
16.	Sembahyang <i>Tahiyyat al-Masjid</i>
17.	Sembahyang Sunat Ihram
18.	Dua rakaat dahulu daripada zohor (tiada muakkad)
19.	Dua rakaat kemudian daripadanya (tiada muakkad)
20.	Dua rakaat dahulu daripada maghrib (tiada muakkad)
21.	Dua rakaat dahulu daripada isyak (tiada muakkad)
22.	Sembahyang <i>Syukr Allāh</i>
23.	Sembahyang <i>Isti`adhaṭ</i>
24.	Sembahyang <i>Istikharaṭ</i>
25.	Sembahyang <i>Hub</i>
26.	Sembahyang <i>Syukr al-Nahar</i>
27.	Sembahyang <i>Syukr al-Wālidain</i>
28.	Sembahyang <i>Awwābīn</i>
29.	Sembahyang dua rakaat dengan niat <i>Hifz al-īmān</i> serta <i>Awwābīn</i>
30.	Sembahyang <i>Awwābīn</i> serta <i>istikhāraṭ</i>
31.	Sembahyang Tasbih
32.	Sembahyang Tahajud
33.	Sembahyang sunat Wuduk

- **Fasal hadis-hadis dan perkara-perkara yang berkaitan (ff. 16v- 30v.)**

Pada bahagian ini, setelah membincangkan solat-solat sunat beserta huraianannya, penulis mendatangkan sejumlah besar hadis-hadis yang berkaitan dengan ibadat, sama ada yang berkait dengan solat sunat ataupun selainnya. Di samping itu, hadis-hadis yang dizahirkan oleh penulis di dalam karya ini, turut diselangi dengan dua perbincangan lain iaitu kaifiyat mengambil wuduk dan fardu mandi. Perbincangan bagi bahagian ini secara lebih terperinci sepertimana berikut berdasarkan susunan seperti dalam teks,

- I. Hadis ganjaran pahala mengambil wuduk
- II. Hadis balasan tidak menyempurnakan wuduk
- III. Kaifiat mengambil wuduk
- IV. Hadis ganjaran pahala mandi *janābaṭ* dan balasan meninggalkannya
- V. Fardu mandi
- VI. Hadis balasan dan keburukan meninggalkan solat
- VII. Hadis ganjaran pahala mendirikan solat sunat

- **Fasal tafsir perkara berkaitan solat. (ff, 30v- 31r.)**

Penulis menutup perbincangan manuskrip *Tanbīh al- ‘Āmil fī Tahqīq al-Kalām fī al-Nawāfil* dengan sedikit perbincangan ringkas mengenai tafsiran singkat kepada beberapa perkara yang berkait dengan solat seperti Ihsan, rukun rukuk dan sujud. Berdasarkan pendapat pengkaji, unsur yang diterapkan penulis pada bahagian akhir perbincangan merupakan suatu perkara yang penting, supaya seseorang individu muslim itu menumpukan sepenuh perhatian apabila mengerjakan sembahyang dan meninggalkan segala urusan dunia beserta perkara-perkara lain yang tidak berkait dengan ibadat solat.

Secara rumusannya, perbincangan dan perbincangan yang dibawa oleh penulis di dalam karya ini khususnya masalah solat-solat sunat merupakan perbincangan yang ikhtisar namun padat dan mendalam. Ketinggian ilmu penulis di dalam menyusun dan menghasilkan karangan ini untuk menyelesaikan konflik pada zamannya memberi faham bahawa, penulis mengadunkan unsur-unsur tasawuf di dalam feqah beserta elemen pentarbiyahan sebagai kunci utama di dalam menyelesaikan masalah konflik pada zamannya itu. Di samping perbincangan feqah sebagai perbincangan utama, penulis menjadikan tasawuf juga sebagai tiang utama di dalam menghasilkan karya ini. Selain itu, hadis-hadis yang didatangkan oleh penulis, sebagai satu bentuk galakan di dalam beramal dan perlaksanaan ibadat untuk para pembaca karyanya. Justeru itu, seharusnya manuskrip ini dapat diteruskan lagi di dalam melakukan kajian lanjutan, agar ilmu-ilmu yang luas yang masih tersimpan di dalam manuskrip tersebut dapat diambil manfaat oleh generasi-generasi akan datang.

Kepentingan karya *Tanbīh al- ‘Āmil fī Tahqīq al-Kalām fī al-Nawāfil*

- **Kepentingan Kepada Masyarakat Islam di Malaysia**

Karya ini mempunyai kepentingan yang signifikan kepada masyarakat Islam di Malaysia. Kandungan manuskrip ini boleh dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan dan autoriti di dalam pelaksanaan ibadah, khususnya ibadah solat sunat yang mempunyai pelbagai bentuk dan kaifiatnya. Perbezaan antara satu jenis solat sunat dengan solat sunat yang lain memerlukan bantuan panduan yang jelas bersumberkan penjelasan para ulama yang muktabar agar amalan tersebut menepati kehendak syarak dan diterima oleh Allah SWT.

- **Kepentingan Kepada Para Pelajar Dan Golongan Akademik**

Karya ini turut memberikan manfaat kepada golongan pelajar dan ahli akademik. Bagi pelajar daripada aliran pengajian tradisional, khususnya dalam sistem pendidikan pondok, karya ini boleh dijadikan sebagai bahan tambahan dalam silibus pengajian. Ia berpotensi untuk diajarkan oleh para guru sama ada sehingga khatam atau dalam bentuk pengajian umum bersama masyarakat setempat, seperti kuliah maghrib, pengajian duha, serta kelas-kelas malam. Sementara itu, bagi penyelidik di institusi pengajian tinggi, kajian ini boleh dijadikan sebagai salah satu rujukan akademik dalam bidang pengajian manuskrip yang berkaitan dengan turath Jawi, khususnya dalam bidang fiqah, di samping menelusuri sejarah perkembangan keilmuan Islam di Alam Melayu. Selain itu, proses analisis isu-isu terpilih terhadap kandungan fiqah serta penelusuran sumber asal hadis yang dilaksanakan dalam kajian ini turut memberikan nilai tambah kepada penyelidikan lain, sama ada dalam bentuk artikel jurnal mahupun tesis ilmiah, khususnya dalam memperkukuh keautoritian sumber rujukan.

- **Kepentingan Kepada Badan Kefatwaan**

Karya ini juga berpotensi memberikan manfaat kepada badan-badan kefatwaan yang berautoriti dalam mengeluarkan fatwa berkaitan hukum syarak. Bagi pihak-pihak yang terlibat dalam institusi kefatwaan tersebut, dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai salah satu rujukan dalam menyelesaikan persoalan masyarakat setempat, khususnya yang berkaitan dengan ibadah di dalam mazhab Syafie. Sehubungan itu, hukum-hakam yang dibincangkan serta yang ingin disampaikan kepada masyarakat hendaklah berpandukan sumber-sumber primer dan berautoriti agar jawapan yang dikemukakan selaras dengan pandangan ulama serta sesuai dengan konteks setempat. Di dalam konteks Malaysia secara umumnya, badan-badan kefatwaan negeri majoritinya menjadikan mazhab Syafie sebagai teras utama sebagai pengeluaran fatwa sebelum berpindah kepada pandangan-pandangan mazhab yang lain. Tambahan pula, mazhab Syafie telah diperbadankan dalam bentuk rasmi melalui kaedah pengeluaran fatwa sama ada diperingkat negeri dan juga kebangsaan malah termasuk juga enakmen pentadbiran agama negeri-negeri yang berpandukan mazhab Syafie sebagai penetapan utama (Syed Salim, 2020). Justeru, kitab ini berpotensi menjadi sumber rujukan penting dalam proses penetapan fatwa berkaitan permasalahan fiqah, khususnya yang menyentuh isu-isu ibadah di dalam mazhab Syafie.

Kesimpulan

Secara khulasahnya, pengajian berasaskan tradisi turath telah berakar umbi dan memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk sistem pendidikan, intelektual dan perundangan di Tanah Melayu. Tradisi pendidikan dan perundangan berlandaskan mazhab Syafie khususnya, telah mendapat tempat yang tinggi dalam masyarakat Nusantara. Kegiatan penterjemahan, pengkarangan dan percetakan oleh para ulama tempatan melalui penulisan dalam bentuk kitab kuning berbahasa Melayu dan bertulisan Jawi telah menjadi antara medium utama dalam penyebaran ilmu agama dan pelaksanaan hukum di kalangan masyarakat Islam. Namun begitu, sebahagian besar manuskrip Melayu masih belum diberikan perhatian sewajarnya, malah terdapat sebilangan besar yang masih tersimpan di luar negara akibat kesan penjajahan kuasa asing. Hal ini menyumbang kepada kelewatan dalam usaha pemuliharaan dan pengkajian terhadap manuskrip-manuskrip tersebut. Kelemahan dalam aspek analisis kandungan, kodikologi, filologi dan kajian teks menyebabkan manuskrip-manuskrip ini hanya dilihat sebagai artifak atau tinggalan sejarah, bukan sebagai sumber ilmu yang relevan sepanjang zaman.

Dalam konteks ini, manuskrip *Tanbīh al-‘Āmil fī Taḥqīq al-Kalām fī al-Nawāfīl* merupakan antara karya penting yang masih belum dihidmati secara menyeluruh. Terdapat ruang kajian yang perlu diisi oleh para penyelidik lain, termasuk dari aspek hukum-hakam fiqah, pencarian sumber daripada kitab-kitab hadis, analisis kandungan dan transliterasi. Diharapkan usaha kecil ini dapat menjadi pengantara kepada pengkajian yang lebih mendalam dan sistematik terhadap manuskrip ini, sekali gus memberikan

sumbangan bermakna kepada masyarakat Islam dan para penyelidik akademik dalam bidang pengajian Islam dan warisan keilmuan Melayu-Islam.

Rujukan

- Aboe Bakar, Budiman, Adnan, Zainal, & Syarifah. (1985). *Kamus Aceh–Indonesia* (Vol. 2, p. 768). Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Awang Sariyan. (2019). *Sumbangan manuskrip Melayu lama kepada peradaban bangsa* [Conference presentation slides]. Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu Lama, Perpustakaan Negara Malaysia.
- Awang Sariyan, & Abdul Rasid Jamian. (2020). Sumbangan manuskrip Melayu lama kepada peradaban bangsa. *Pendeta: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 1–3.
- Jamalluddin Hashim. (2009). Metode penulisan fiqh oleh Nur al-Din al-Raniri dalam *Kitab al-Sirat al-Mustaqim*. *Jurnal Syariah*, 17(2).
- Norziati Mohd Rosman. (2024). *Rengkanan jawi: Sejarah perusahaan kitab abad ke-9* (p. 9). Akademi Jawi Malaysia.
- Ridwan Arif. (2020). Syekh ‘Abd al-Ra’ūf al-Fansūrī: Rekonsiliasi tasawuf dan syariat abad ke-17 di Nusantara (p. 34). Kompas Media Nusantara.
- Siti Halimah. (2004). *Analisis terjemahan Abdurrauf Singkel dalam Kitab Tanbīh al-‘Āmil fī Tahqīq al-Kalām fī al-Nawāfil* [Master’s thesis]. UIN Syarif Hidayatullah.
- Siti Haliza Yusop. (2015, October 27). 4,600 manuskrip tulisan Jawi belum dikaji. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2015/10/92276/4600-manuskrip-tulisan-jawi-belum-dikaji>
- Syed Salim, Farid Wajdi, & Aizuddin. (2020). Kaedah berinteraksi dengan teks turath mazhab Syafie: Aplikasi terhadap hukum kenajizan khinzir. In *INSLA e-Proceedings* (p. 250). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Syed Salim, Farid Wajdi, Abdul Karim, & Faisal. (2020). Kitab turath fiqh Syafie Jawi sebagai medium penyampaian ilmu fardu ain di Malaysia: Analisis metodologi penulisan *Kitab Hidayat al-Sibyan fī Ma‘rifat al-Islām wa al-Īmān*. In *E-Proceedings Seminar Antarabangsa Islam dan Sains* (pp. 754–757). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Tanbīh al-‘Āmil fī Tahqīq al-Kalām fī al-Nawāfil. (n.d.). MSS 4152 (A). Perpustakaan Negara Malaysia.
- Wan Ahmad Fauzi. (2019). *Naratif Alam Melayu: Amanah watan, pemacu peradaban*. Kesedaran Melayu dan Islam.